

Hari : Khamis

Tarikh : 28.10.2021

LATIHAN BAHASA MELAYU

TAJUK : SEDAPNYA BUAH ISU [BUKU TEKS MUKA SURAT 109]

 **Baca dan buat rumusan.**

Sedapnya Buah Isu

Chan Ho dan keluarganya melawat ke Negeri di Bawah Bayu. Dia tertarik akan keistimewaan buah isu yang popular di sana.

Pokok isu tumbuh di negeri Sarawak dan Sabah. Pokok ini ditanam bersama-sama dengan pokok durian. Pokok ini selalunya berbuah selepas musim durian.

Bau buah isu tidak seperti aroma durian biasa. Isinya berwarna kuning dan jingga. Buah ini mempunyai tekstur halus dan isinya lebih lembut.

Buah isu mempunyai permukaan kulit yang hampir serupa dengan durian biasa. Walau bagaimanapun, duriinya lebih panjang dan lebih tirus.

Kebanyakan saiz buah isu agak kecil.

Tanah di Sarawak dan di Sabah sesuai untuk penanaman pokok isu.

Banyak orang membeli buah ini kerana isinya lembut dan sedap.

Buah isu berduri. Duri tersebut dapat menghalang haiwan perasak memakannya.

Buah isu mempunyai ulas yang sedikit kerana saiznya kecil.

Pokok isu ditanam di Sarawak dan di Sabah kerana kesesuaian tanahnya. Bentuk buah isu . Buah isu mempunyai ulas yang . Banyak orang menyukai buah ini kerana .



isinya lembut dan sedap

mempunyai duri yang panjang dan tirus serta saiznya kecil

sedikit kecil kerana saiznya kecil

Lengkapkan Rumusan Ini

Pokok isu ditanam di Sarawak dan di sabah kerana kesesuaian tanahnya. Bentuk

buah isu _____.

Buah isu mempunyai ulas yang _____.

Banyak yang menyukai buah ini kerana _____.